

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah definisi kluster oleh KKM untuk pengetahuan para hadirin dewan yang mulia ini dan para rakyat Malaysia di luar sana?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan mentakrifkan sesuatu kluster apabila terdapat kejadian dua (2) atau lebih kes yang disahkan positif COVID-19 mempunyai kaitan epidemiologi dari aspek masa (*time*), tempat (*place*) individu (*person*) dan dari segi pendedahan kepada sumber jangkitan dalam tempoh kebolehjangkitan atau tempoh inkubasi 14 hari.

- (i) *Time*: pendedahan berdasarkan tempoh inkubasi (*Incubation Period*) berdasarkan siasatan epidemiologi yang dijalankan secara ke belakang (*backward/retrospective investigation*) bagi mengetahui sejarah pergerakan pesakit.
- (ii) *Person*: individu yang dijangkiti COVID-19
- (iii) *Place*: tempat di mana penularan jangkitan COVID-19 didapati berlaku

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **inisiatif-inisiatif mudah dan cepat bagi orang ramai** yang ingin melupuskan kereta dan motosikal lama mereka. Kenderaan terbiar merupakan antara masalah besar yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang padat seperti di Kepong dan sering mendatangkan pelbagai jenis masalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar untuk membantu dalam mengurus dan menyelesaikan masalah serta lambakan kenderaan terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, garis panduan ini hanya disediakan bagi kegunaan PBT sahaja dalam melupuskan kenderaan terbiar dan bukan kepada orang ramai.

2. Bagi orang ramai yang berhasrat untuk melupuskan kenderaan persendirian, mereka boleh merujuk di portal Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkenaan senarai premis yang telah dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebagai Kemudahan Rawatan Automatif Berlesen (Authorised Automotive Treatment Facility atau AATF). AATF adalah suatu kemudahan yang akan menjalankan peleraian komponen-komponen kenderaan, terutamanya komponen yang mengandungi buangan terjadual dari kenderaan yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

3. Komponen-komponen tersebut akan diasingkan bagi tujuan guna semula, kitar semula atau pemerolehan kembali dan pelupusan akhir. Inisiatif ini masih di peringkat projek perintis dan ianya diperkenalkan oleh JAS bagi menangani isu kenderaan terbiar dan ditinggalkan, yang sering menarik perhatian masyarakat. Ini adalah kerana isu tersebut sering menyebabkan kacau ganggu dan menjadi potensi pencemaran alam sekitar sekiranya tidak diuruskan dengan sempurna dan lestari.

4. KPKT menyarankan orang ramai untuk menggunakan kemudahan AATF ini memandangkan ianya merupakan langkah pengurusan kenderaan terbiar secara lestari selaras dengan konsep ekonomi kitaran (*circular economy*).

Sekian, terima kasih.